

26 FEB 1999

D-8-SIDANG KEMUNCAK

SEMUA SIAP SEDIA BAGI SIDANG KEMUNCAK D-8

Oleh: Shafiqul Bashar

DHAKA, 26 Feb (Bernama) -- Persiapan bagi sidang kemuncak kedua kumpulan lapan negara membangun Islam (D-8) yang akan berlangsung pada 1 dan 2 Mac di sini berjalan lancar.

Empat ketua kerajaan akan menyertai sidang kemuncak ini, yang bertujuan memperkukuhkan kerjasama di kalangan kumpulan utama negara-negara Islam melalui projek bersama bagi meningkatkan kehidupan rakyat.

Negara-negara anggota D-8 termasuk Iran, Bangladesh, Mesir, Indonesia, Malaysia, Pakistan, Nigeria dan Turki.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bertolak bagi menyertai sidang kemuncak itu Ahad ini.

Ketua-ketua kerajaan lain terdiri daripada Presiden Turki Suleyman Demirel, Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif dan Perdana Menteri negara tuan rumah Sheikh Hasina Wajed.

Iran akan diwakili oleh naib presiden pertamanya Dr Hassan Habibi, Indonesia oleh Menteri Kebajikan Rakyat dan Pembasmian Kemiskinannya Haryano Suyono manakala Mesir oleh Menteri Hal Ehwat Luarnya Amre M. Moussa.

D-8 yang dilancarkan di Istanbul pada bulan Jun, 1997 sebagai sebuah pertubuhan berorientasikan projek, telahpun mencapai kemajuan dengan kejayaannya memajukan sebuah pesawat pertanian ringan prototaip, sebuah projek yang diterajui oleh Turki.

Malaysia, yang diberi kepercayaan memikul tanggungjawab mengembang dan menggalakkan perbankan dan insurans cara Islam di kalangan negara-negara anggota, telahpun mewujudkan usahasama takaful atau insurans cara Islam dengan Indonesia.

Berikutan itu, ia telah diminta membentangkan satu kertas kerja mengenai perniagaan takaful semula di sidang kemuncak Dhaka ini.

Sementara itu, Suruhanjaya D-8, badan eksekutif perkumpulan ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan negara-negara anggotanya, memulakan mesyuarat selama dua hari pada hari Khamis untuk menyediakan agenda dan deraf Deklarasi Dhaka yang akan diluluskan di sidang kemuncak ini kelak.

Agenda dan deraf deklarasi tersebut dijangka siap Jumaat ini dan akan diluluskan oleh majlis menteri-menteri yang dianggotai oleh menteri luar negara-negara D-8 dalam mesyuarat yang akan berlangsung di sini pada hari Sabtu.

Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar dijangka tiba di Dhaka lewat malam ini bagi menghadiri mesyuarat tersebut. --BERNAMA

SB KY jr